

Headline **Life Sdn Bhd 5 - I'm Positive menyayat hati**
Date **11 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **195 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,471**
PRValue **7,412**



RAJA ZARITH SOFIAH (kanan) berbual dengan seorang pelakon teater sambil diiringi Faridah (dua dari kanan).

Life Sdn Bhd 5 - I'm Positive menyayat hati

JHOHORBAHRU: Tidak malu membuat pendedahan kisah hitam bergelumang dalam dunia pelacuran, penagihan dadah dan homoseksual hingga dijangkiti virus HIV, 10 individu tampil berani dalam sebuah persembahan teater bertajuk Life Sdn Bhd 5 - I'm Positive, di sini.

Pengarah Teater, Datuk Faridah Merican berkata, teater berkenaan berkisah kepada realiti yang berlaku bagi mewujudkan kesedaran kepada masyarakat mengenai virus HIV dan Aids.

"Siri ini adalah projek

kesayangan saya dan penonton akan memahami kisah benar yang berlaku dalam masyarakat Malaysia yang disampaikan dengan penuh bersahaja serta menyentuh hati sejak bermula pada 2004," katanya.

Faridah berkata, mengambil teater ini mendapat ilham daripada jalan cerita Life Sdn Bhd pada tahun 2007 yang menyentuh perihal kanser payudara.

"Ada di antara mereka ini hidup dengan HIV dan AIDS, manakala ada juga yang mempunyai teman istimewa, keluarga atau rakan yang meng-

hidap epidemik ini.

"Dalam teater Life Sdn Bhd 5 - I'm Positive ini, ada di kalangan mereka sudah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan cahaya mata, manakala yang lain masih mencari-cari insan istimewa sekali gus segala kisah benar disampaikan cukup menyentuh perasaan.

"Rentetan daripada kejayaan penganjuran teater ini di Kuala Lumpur pada Mac lalu, Life Sdn Bhd 5 - I'm Positive dibawa ke selatan iaitu di Johor Bahru dengan harapan memberi impak sama seperti di ibu kota.

"Penganjuran teater di negeri ini amat tepat kerana sudah bertahun lamanya Johor memuncak dengan kadar jangkitan virus HIV/AIDS dari tahun 1986 hingga 2009 dengan catatan kes sejumlah 14,600 sehingga menimbulkan stigma dan diskriminasi kepada golongan ini," katanya.

Isteri Sultan Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan hadir pada perasmian majlis Makan Malam Amal bagi mengutip dana bagi disumbangkan untuk Tabung Majlis Aids Malaysia.